

21/07/2002

Pas dakwa Barisan guna kekerasan

YAN: Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, menyifatkan kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa penyokong Pas menggunakan kekerasan dalam kempen pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, baru-baru ini sebagai tindakan memejam sebelah mata saja.

Katanya, kenyataan itu tidak berasas kerana Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) tidak pernah nampak kepada tindakan ganas atau kekerasan yang diamalkan oleh penyokong parti komponen BN dalam kempen pilihan raya kecil di kawasan terbabit.

"Kita mempunyai banyak bukti sepanjang kempen pilihan raya itu yang menunjukkan penyokong BN khususnya Umno bertindak lebih ganas," katanya kepada Berita Minggu ketika ditemui di Guar Chempedak, dekat sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir kelmarin bahawa BN akan memikirkan strategi bagi mengatasi corak kempen Pas yang dikatakan tidak bersopan sebagaimana yang ditunjukkan pada pilihan raya kecil di kedua-dua kawasan itu.